

Sorotan Literatur Bersistematik: Pandemi dalam Sastera Kembara Islami

Systematic Literature Reviews: Pandemics in Islamic Travel Literature

Nur Asyiqin Zohkarnain* & Firuz-Akhtar Lubis

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, 43600, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

*Corresponding Author; email: p116036@siswa.ukm.edu.my

Received: 14 January 2023/Revised: 9 June 2023/Accepted: 17 July 2023/

Publish: 1 December 2023

ABSTRAK

Sastera kembara merupakan sumber yang kaya dengan pengajaran dalam menghadapi cabaran kehidupan. Karya genre ini menzahirkan cerminan nilai dan pemikiran sesebuah masyarakat dalam pelbagai situasi termasuk pandemik. Kebelakangan ini, isu berkaitan pandemik sering kali dikaji; namun begitu kajian mengenai pandemik dari perspektif sastera kembara Islami masih berkurangan. Bagi mengatasi kekurangan tersebut, artikel ini bertujuan membahaskan sorotan literatur bersistematik ke atas kajian lepas yang berkaitan pandemik dalam sastera kembara Islami. Proses penulisan SLR (Systematic Literature Review) ini telah merujuk kepada standard PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis). Bagi mencari artikel dan sumber berkaitan untuk disertakan dalam SLR ini, dua pangkalan data utama iaitu Scopus dan Web of Science serta pangkalan data sokongan seperti Google Scholar turut digunakan. Berdasarkan analisis tematik, kajian SLR (Systematic Literature Review) ini mempunyai tema pandemik dalam sastera kembara Islami yang terdiri daripada dua subtema utama iaitu 1) sejarah penularan pandemik dalam sastera kembara Islami dan 2) sistem kuarantin semasa pandemik. Hasil dapatan dalam kajian SLR ini terdapat 4 artikel/rujukan sahaja yang membahaskan pandemik dalam sastera kembara Islami khususnya mengenai sosiologi masyarakat ketika menghadapi pandemik. Akhir sekali SLR ini boleh menjadi rujukan dan menggalakkan penyelidikan untuk menerokai karya kesusasteraan kembara Islami kerana karya genre ini dapat memberi gambaran mengenai tanggapan masyarakat terhadap pandemik serta kaitannya dengan sosiologi kehidupan, sekaligus memberi panduan dan iktibar dalam menghadapi pandemik masa kini dan akan datang.

Kata kunci: Sorotan literatur bersistematik; pandemik; sastera, kembara; pengembara

ABSTRACT

Travel literature is a rich source of lessons in facing life's challenges. The work of this genre reflects the values and thoughts of a society in various situations, including pandemics. Lately, issues related to pandemics have often been studied; however, studies on the pandemic from the perspective of Islamic travel literature are still lacking. To overcome the gap, this article aims to discuss the systematic literature review on past pandemic-related studies in Islamic travel literature. This SLR (Systematic Literature Review) writing process was based on the PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis) standard. In order to find articles and related resources to be included in this SLR, two main databases namely Scopus and Web of Science as well as supporting database, Google Scholar were used. Based on thematic analysis, this SLR (Systematic Literature Review) study has the theme of pandemic in Islamic travel literature which consists of two main subtopics namely 1) history of pandemic contagion in Islamic travel literature and 2) quarantine system during pandemic. As a result of the findings in this SLR study, there are only 4 articles/references that discuss the pandemic in Islamic travel literature, especially regarding the sociology of society when facing a pandemic. Finally, this SLR can be a reference and encourage researchers to explore the work of Islamic travel literature as it can provide an overview of society's perception of pandemics and its relationship with the sociology of life. It also provides guidance and lessons in facing the current and future pandemics.

Keywords: Systematic literature review; pandemics; literature; travel; travelers

PENGENALAN

Sastera kembara merupakan catatan yang telah direkodkan oleh pengembara terhadap perjalanan yang memaparkan nilai budaya dan penyampaian maklumat tentang sesebuah tempat yang baru ditemui. Menurut Kingsley, M. H. (2013) sastera kembara merupakan pengamatan pengembara tentang kehidupan manusia dan alam sekeliling ketika mengembara. Ciri-ciri yang perlu ada pada sesebuah sastera kembara ialah satu catatan yang disertakan tarikh, masa, tempat pengunjungan dan penceritaan pengembaraan melebihi catatan berupa diari. Borm, J. (2001) pula menyatakan sastera kembara merekodkan realiti pengalaman pengembara apabila mengamati perihal sesebuah masyarakat. Dalam erti kata lain, sastera kembara ini merupakan catatan yang merekodkan segala pengalaman pengembara yang mengembara di setiap pelusuk negara (Nur Asyiqin Zohkarnain & Firuz-Akhtar Lubis (2021). Setiap perjalanan tersebut dirakam, dicatat serta direkodkan bagi mencoretkan sebuah pengalaman yang dilalui sepanjang pengembaraannya (Azzurin Mohd Yassin & Mas Rynna (2018).

Secara keseluruhannya, sastera kembara merupakan satu catatan pengembaraan yang dilalui sendiri oleh pengembara berdasarkan pengamatannya terhadap kehidupan manusia, alam sekeliling dan disertakan sekali masa, tarikh dan tempat destinasi dengan teliti. Menerusi kenyataan ini, sastera kembara sememangnya dapat menyumbang maklumat penting terhadap sosiologi masyarakat dalam sesebuah tamadun ini termasuk kejadian pandemik yang melanda suatu ketika dahulu.

Secara umumnya, kajian ini akan memberi penekanan khusus pada genre sastera kembara Islami yang berfungsi untuk mengajak seseorang melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Tambahan lagi, genre ini dicatatkan oleh pengembara Islam yang merekodkan perjalanan pengembaraannya ke sesebuah negara dan segala watak yang digambarkan mestilah berakhlak mulia dan patuh dengan suruhan agama (Md. Mahmud Hassan 2016). Menurut Muhammad Qutb (1983) karya sastera Islami sangat berkait dengan jiwa manusia. Beliau menegaskan bahawa Islam sahaja tidak cukup untuk menghasilkan sesebuah karya yang indah. Bahkan yang paling penting menurutnya ialah pengalaman emosi yang terkandung dalam jiwa seseorang penulis. Asma' Mohd Yusof & Nursafira Ahmad Safian (2019) menyatakan pandangan Sayyid Qutb terhadap sastera Islami dalam bukunya yang

berjudul *Fi al-Tarikh: Fikrah wa Minhaj* seperti dibawah:

“Suatu ungkapan yang lahir daripada jiwa yang bergelojak, bercampur bersama perasaan keislaman.”

Bukan setakat itu sahaja, sastera kembara Islami juga merupakan satu sumber yang kaya dengan pengajaran dalam menghadapi apa jua cabaran kehidupan dalam masyarakat ini tidak ketinggalan juga krisis seperti pandemik (Al-Areqi, R. M. M. 2016). Dalam erti kata lain, karya genre ini memberi sumbangan dalam membantu menganalisis falsafah hidup sesebuah masyarakat suatu ketika dahulu khususnya ketika berhadapan dengan situasi pandemik (Azzurin Mohd Yassin & Mas Rynna 2018).

Pandemik sememangnya memberi ancaman dalam kehidupan masyarakat terutamanya dari aspek psikologi seperti kemurungan, kebimbangan dan tertekan. Namun, musibah ini perlu dikawal dengan sebaiknya seperti mengamalkan sikap-sikap positif supaya dapat menjalani kehidupan yang lebih sejahtera (Abdul Rashid et al. 2020 & Nozira Salleh et al. (2022). Menerusi sorotan literatur lepas, kajian mengenai pandemik ini kebanyakannya hanya menumpukan dalam bidang berkaitan pendidikan, ekonomi, kesihatan dan sosiologi sahaja (Qiu, W. et al. 2017).

Oleh itu, penyelidikan ini dilakukan bagi mengisi kelompongan kajian dalam bidang kesusasteraan Islami dengan kajian baharu iaitu penelitian dari perspektif sorotan literatur bersistematik terhadap pandemik dalam sastera kembara Islami. Kajian ini akan menggunakan metodologi kualitatif dengan menganalisis kandungan korpus kajian secara tematik. Menerusi pendedahan terhadap karya sastera kembara Islami sedikit sebanyak dapat membantu memberi gambaran mengenai tanggapan masyarakat terhadap pandemik serta kaitannya dengan sosiologi kehidupan sepertimana yang termaktub dalam genre sastera kembara Islami.

METODOLOGI

Kajian SLR (*Systematic Literature Review*) ini, telah merujuk kepada PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis*). Prisma adalah satu piawaian penerbitan yang digunakan secara meluas dalam bidang perubatan dan kesihatan awam. Sungguhpun SLR ini dalam bidang sains sosial, namun PRISMA masih sesuai untuk dirujuk kerana

membantu untuk membentuk persoalan kajian yang jelas dan membolehkan pencarian secara sistematik dilakukan. Selain itu PRISMA meminimalkan pelbagai jenis bias serta membantu penulis untuk melakukan sintesis kajian dengan baik (Durach et al. 2017).

PEMBENTUKAN PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian dalam SLR ini menggunakan PICO. PICO adalah *mnemonics* yang digunakan bagi membentuk persoalan kajian SLR yang bersandarkan sintesis kualitatif dan ia boleh digunakan untuk mendapatkan aspek atau elemen penting yang perlu ada dalam persoalan kajian SLR. Menurut Shaffril, H. A. M. et. al (2020) PICO bersandarkan tiga konsep utama iaitu P (*Population/Problem*), I (*Interest*) dan Co (*Context*). Berdasarkan tiga konsep utama iaitu pengembara (*Population*) pandemik (*Interest*) dan sastera kembara (*context*) telah dijadikan asas bagi pembentukan persoalan kajian bagi SLR ini iaitu: Apakah gambaran pengembara terhadap masyarakat ketika berhadapan dengan pandemik dalam sastera kembara Islami?

Oleh itu, penyelidikan ini dilakukan bagi mengisi kelompongan kajian dalam bidang kesusasteraan Islami dengan kajian baharu iaitu penelitian dari perspektif sorotan literatur bersistematik terhadap pandemik dalam sastera kembara Islami. Seterusnya kajian SLR ini akan menggunakan tiga fasa utama iaitu fasa pengenalpastian, saringan dan kelayakan. Perbincangan tiga fasa ini seperti di bawah:

FASA PENGENALPASTIAN

Fasa pengenalpastian dilakukan bagi mengenal pasti kata kunci yang bersesuaian dengan fokus kajian yang dilakukan (Shahida Rahimi et al. 2020). Dalam fasa pengenalpastian, kajian SLR ini akan mengupas dua perkara utama terdiri daripada jenis pangkalan data yang digunakan dan teknik pencarian artikel/rujukan

yang diaplikasikan. Dua kupasan ini dibahaskan seperti dibawah:

1. Pangkalan Data

Pertamanya mengenai pangkalan data, kajian SLR ini secara khusus telah melakukan pencarian artikel/rujukan di tiga jenis pangkalan data yang difokuskan terdiri daripada *Scopus*, *Web of Science* dan *Google Scholar*. Dalam kajian Pranckute, R. (2021) pangkalan data seperti *Scopus* dan *Web of Science* ini mempunyai pencarian *advanced* yang lebih banyak, berautoriti, menyeluruh dan pelbagai berbanding dengan pangkalan-pangkalan data yang lain. Manakala Mohd Syukri Zainal Abidin & Faizuri Abd Latif (2022) pula menyatakan pangkalan data *Scopus* terutamanya merupakan paling digemari oleh penyelidik sepanjang zaman. Manakala dari sudut pangkalan data *Google Scholar* pula Martin et al. (2018) menekankan kelebihan *Google Scholar* pertamanya dari segi kuantiti artikel/rujukan yang banyak, seterusnya mempunyai kepelbagaian bahasa dan yang terakhir ia sesuai digunakan sebagai pangkalan data sokongan (Haddaway et al. 2015).

2. Teknik Pencarian Artikel/Rujukan

Seterusnya, bagi kupasan dari sudut teknik pencarian artikel/rujukan ditonjolkan dalam fasa pengenalpastian seperti dibawah:

i. Pangkalan Data *Scopus* dan *Web of Science*

Secara khususnya, kajian SLR ini telah menggunakan teknik *advanced searching* dan teknik *Boolean Operator* (AND, OR), *phrase searching*, *truncation*, *wild card* dan *field codes function* ketika pencarian artikel/rujukan di pangkalan data *Scopus* dan *Web of Science*. Teknik pencarian tersebut ditonjolkan dalam (Jadual 1).

JADUAL 1. Jenis Pangkalan Data dan Kata Kunci

Jenis Pangkalan Data	Senarai Kata Kunci dan <i>Boolean Operator</i>
Scopus	TITLE-ABS-KEY (("Plague" OR "Contagion" OR "Pandemic" OR "Epidemic" OR "Outbreak") AND ("Traveler" OR "Traveller" OR "Pilgrim" OR "Adventurer" OR "Voyager"))
Web of Science (WoS)	TS = (("Plague" OR "Contagion" OR "Pandemic" OR "Epidemic" OR "Outbreak") AND ("Traveler" OR "Traveller" OR "Pilgrim" OR "Adventurer" OR "Voyager"))

ii. Pangkalan Data *Google Scholar*

Manakala bagi penggunaan teknik pangkalan data *Google Scholar* pula, kajian SLR ini telah mengaplikasikan kaedah *handpicking* dan *snowballing* terhadap artikel-artikel terpilih. Oleh itu, berdasarkan kata kunci, pangkalan data dan teknik pencarian yang dinyatakan sebelum ini terdapat sejumlah 731 artikel/rujukan telah diperoleh dan kesemua artikel/rujukan ini akan melalui peringkat

kedua dalam strategi pencarian sistematik iaitu fasa saringan.

2. Fasa Saringan

Dalam fasa kedua iaitu fasa saringan pula, sejumlah 731 artikel/rujukan berjaya diperoleh. Menerusi saringan terdapat dua perkara yang perlu diteliti iaitu dari sudut kriteria-kriteria *inclusion* dan *exclusion*. Jadual 2 di bawah menerangkan jenis kelayakan dan penyingkiran yang dilakukan dalam kajian SLR ini

JADUAL 2. Jenis Kelayakan dan Penyingkiran

Kriteria	Kelayakan	Penyingkiran
Metodologi	Kualitatif	Kuantitatif
Bahasa	Bahasa Inggeris	Selain Bahasa Inggeris
Bidang	Sosiologi, Sains Sosial, Kesusasteraan & Psikologi	Selain bidang Sosiologi, Sains Sosial, Kesusasteraan & Psikologi

Jadual 2 menerangkan 3 jenis kriteria kelayakan dan penyingkiran yang diadaptasi dan diambil daripada kajian Nur Izzati Jamaludin et al. (2020) iaitu penyingkiran dari aspek jenis metodologi, bahasa dan bidang. Kriteria pertama yang digunakan dalam SLR ini ialah jenis metodologi. Secara umumnya, kajian ini hanya menggunakan kajian kualitatif sebagai sumber rujukan utama. Pemilihan jenis metodologi ini adalah berdasarkan justifikasi bahawa kajian SLR ini hanya berpandukan pada penyelidikan kesusasteraan sahaja dan kajian dalam bidang sastera pula merupakan penyelidikan yang menekankan dari aspek fenomena masyarakat, hubungan, pendapat, proses, akibat, kesan atau kecenderungan yang sedang berlangsung (Furchan, A. 2004). Oleh itu, kajian penyelidikan kualitatif merupakan jenis metodologi yang bersesuaian dengan skop bidang yang telah dipilih dalam kajian SLR ini.

Seterusnya dari sudut bahasa pula hanya tertumpu pada sumber rujukan Bahasa Inggeris sahaja. Hal ini kerana, kajian SLR ini banyak menggunakan pangkalan data daripada *Scopus* dan *Web of Science* dan pangkalan data jenis ini hanya menerapkan penggunaan bahasa Inggeris sahaja sebagai bahasa utama untuk melakukan penyelidikan. Manakala dari sudut bidang pula berfokuskan dalam bidang Sosiologi, Sains Sosial, Kesusasteraan dan Psikologi sahaja kerana ia selari dengan objektif kajian SLR ini

iaitu membahaskan sorotan literatur bersistematik ke atas kajian lepas yang berkaitan pandemik dalam genre sastera kembara Islami. Ketiga-tiga bidang yang difokuskan iaitu (Sosiologi, Sains Sosial, Kesusasteraan dan Psikologi) adalah selari dengan objektif kajian SLR ini. Selepas melakukan proses saringan ini, sebanyak 692 artikel/rujukan telah disingkirkan kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Oleh itu, hanya terdapat 39 artikel/rujukan sahaja yang akan diteliti pada fasa selepas ini iaitu fasa kelayakan.


3. Fasa Kelayakan

Dalam fasa ketiga iaitu fasa kelayakan, hanya artikel/rujukan yang mempunyai data empirikal yang berkaitan sahaja boleh disertakan dalam kajian SLR. Perkara ini bermaksud artikel berbentuk *review* tidak boleh disertakan kerana objektif utama SLR ini adalah untuk mengetahui dan mengenal pasti dapatan kajian lepas sahaja. Satu lagi kriteria *inclusion* yang digunakan ialah fokus dapatan di mana artikel/rujukan yang dipilih harus mempunyai dapatan yang memfokuskan kepada pandemik ataupun wabak yang tercatat dalam sastera kembara Islami sahaja. Sekiranya terdapat artikel/rujukan yang tidak mengkaji dalam bidang sastera kembara Islami maka artikel/rujukan tersebut akan dikeluarkan. Tindakan ini penting bagi membolehkan kesemua

artikel/rujukan yang dipilih dapat menawarkan fokus dapatan yang berkaitan kepada SLR yang ingin dibentuk.

Dalam fasa kelayakan, kesemua artikel/rujukan yang terpilih adalah benar-benar berkaitan dengan skop perbincangan kajian SLR ini. Umumnya proses kelayakan ini dilakukan dengan merujuk kepada tajuk artikel/rujukan dan abstrak yang dipilih sahaja. Sekiranya masih gagal memperoleh maklumat,

maka bahagian metodologi, hasil dan perbincangan artikel/rujukan juga akan dirujuk. Dalam proses saringan seperti dinyatakan sebelum ini terdapat 39 artikel/rujukan sahaja yang berjaya dirujuk. Namun dalam fasa kelayakan ini pula didapati hanya sejumlah 4 artikel/rujukan sahaja yang membahaskan mengenai perspektif pandemik dalam sastera kembara Islami. Keterangan di atas ini akan ditonjolkan melalui Carta Alir PRISMA Rajah 1:



RAJAH 1. Carta Alir PRISMA

Sumber: Diadaptasi daripada Page, M. J. et al. (2021)

Menerusi Rajah 1, didapati sebanyak 731 artikel/rujukan yang dijumpai dan sebanyak 39 artikel/rujukan telah disaring berdasarkan ciri-ciri yang disingkirkan. Kemudian terdapat 36 artikel/rujukan yang layak diambil selepas penyingkiran melalui pembacaan terhadap hasil dapatan artikel tersebut. Hasil akhir bagi kajian SLR ini hanya 4 artikel/rujukan daripada 36 artikel/rujukan yang membahaskan pandemik secara umum dalam kajian terhadap sastera kembara Islami.

1. Pengekstrakan dan Analisis Data

Dalam kaedah pengekstrakan dan analisis data, terdapat beberapa langkah yang perlu diikuti. Langkah pertama ialah menggunakan kaedah *qualitative synthesis of qualitative studies*. Kaedah ini digunakan untuk mengulas artikel yang berbentuk kualitatif dengan menggunakan analisis tematik.

Langkah seterusnya pula ialah mengenal pasti corak ataupun *pattern* yang menonjol di antara

data abstrak semua artikel yang disemak. Data abstrak tersebut dikumpulkan dan sejumlah 4 artikel/rujukan sahaja yang layak dianalisis seperti yang ditonjolkan dalam Rajah 1: Carta Alir PRISMA yang dibahaskan sebelum ini. Berdasarkan Rajah 1 tersebut, hanya 4 rujukan/artikel sahaja yang berjaya melepasi fasa yang telah ditetapkan iaitu fasa pengenalan, saringan dan kelayakan. Kajian ini menganalisis setiap satu daripada abstrak tersebut dan membahagikannya kepada 2 subtema.

Bagi proses selanjutnya, kajian ini telah meneliti kesemua tema dan subtema tersebut bagi memastikan ketepatan tema-tema yang dipilih. Menerusi proses ini, terdapat satu tema utama dan 2 subtema telah ditetapkan dalam kajian SLR ini iaitu tema: pandemik dalam genre sastera kembara Islami. Manakala bagi subtema pula terdiri daripada 1) sejarah penularan wabak dalam sastera kembara Islami dan 2) sistem kuarantin semasa pandemik dalam sastera kembara Islami. Hasil dapatan tema dan subtema ditonjolkan seperti dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Tema Keseluruhan SLR

Penulis (Tahun)	Tema	
	Pandemic dalam sastera kembara Islami	
	SPW	SK
Tresso, C. M. (2021)	/	
Ezzahidi, M. (2018)	/	/
Stolz, D (2017)	/	/
Fortenberry & Manyel (2009)	/	/

SPW= Sejarah Penularan Wabak, SK=Sistem Kuarantin

DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, 4 artikel/rujukan yang menepati objektif kajian penyelidikan SLR ini dibincangkan. Artikel/rujukan tersebut terdiri daripada artikel jurnal dan buku. Terdapat sebanyak 4 rujukan yang terpilih 2 daripadanya ialah rujukan berbentuk buku dan 2

rujukan daripada artikel jurnal *Journal of Arabic and Islamic Studies* (2021) dan *International Journal Turkish Studies* (2017). Manakala 2 rujukan buku pula diterbitkan pada tahun 2018 dan 2009 melalui penerbit tersohor seperti *Manchester University Press* dan *Oxbow Books*. Jadual 4 menerangkan hasil dapatan bagi tema SLR ini:

JADUAL 4. Hasil Dapatan Kajian

Nama penulis	Jenis Wabak	Hasil Dapatan Kajian
1) Fortenberry, D., & Manley, D. (2009)	Wabak Taun	Karya ini merakamkan penguasaan Eropah dan kemajuan saintifik khususnya mengenai pengangkutan jemaah haji dan sistem kuarantin ketika penularan wabak berlaku. Karya ini merekodkan perkembangan psikologi individu yang terperangkap antara kemodenan Timur dan Barat.
2) Tresso, C. M. (2021)	Wabak Kematian Hitam	Ibn Battuta merupakan ahli sejarawan dan tokoh penting dalam sejarah dunia. Dalam travelognya "Rihla", mencatatkan pasukannya telah dijangkiti penyakit demam semasa berada di Kuzestan (Iran). Berdasarkan pengamatannya pendatang asing yang mengembara di Damsyik akan mengalami gejala demam. Ketika mengembara sekitar abad pertengahan 1348, beliau menjumpai wabak Kematian Hitam di Syria semasa perjalanannya ke Mekah untuk menunaikan haji.

bersambung...

...sambungan

3) Stolz, D. A. (2017)	Wabak Taun	Pelayaran Samannud menonjolkan dari perspektif perjalanan haji ketika wabak Taun yang berlaku pertengahan abad-19. Karya sastera kembara Islami ini mengupas penderitaan para jemaah haji, kelasi, dan masyarakat sepanjang menunaikan haji. Selain itu, karya ini juga mengetengahkan rejim kuarantin baharu yang ditadbir oleh badan yang bertanggungjawab menguruskan hal berkaitan kuarantin jemaah Haji. Bahkan karya ini turut membahaskan penularan wabak Taun di atas kapal pelayaran jemaah Haji.
4) Ezzahidi, M. (2018)	Wabak <i>Spanish Flu</i>	Karya ini menonjolkan kepelbagaian prosedur kuarantin yang dijalankan di dua buah negara yang berbeza mengikut gaya pemodenan Eropah ketika wabak <i>Spanish Flu</i> melanda.

Jadual 4 diadaptasi dan diambil daripada kajian Nur Izzati Jamaludin et al. (2020). Menerusi Jadual 5 didapati terdapat 4 rujukan/artikel bagi genre sastera kembara Islami yang membahaskan dari perspektif pandemik dalam sastera kembara Islami. Kajian/rujukan tersebut terdiri daripada kajian Tresso, C. M. (2021) *A Two-year Journey under the Arrows of the Black Death: The Medieval Plague Pandemic in Ibn Battūta's Travels*, Fortenberry, D., & Manley, D. (2009) 'Death and Disorder in Muhammad Sadiq's Star of the Hajj: Steamships, Quarantine and Their Impact on the Muslim Body', in *Saddling the Dogs: Journeys through Egypt and the Near East*, Stolz, D. A. (2017) dan Ezzahidi, M. (2018) *Quarantine in Ceuta and Malta in the travel writings of the late eighteenth-century Moroccan ambassador Ibn Uthmān Al-Meknassī*.

Berdasarkan penelitian 4 rujukan/artikel SLR di atas, tema yang dibentuk dalam kajian ini ialah tema: pandemik dalam sastera kembara Islami yang terdiri daripada dua subtema utama iaitu 1) sejarah penularan wabak dalam sastera kembara Islami dan 2) sistem kuarantin semasa pandemik dalam sastera kembara Islami.

TEMA: PANDEMIK DALAM SASTERA KEMBARA ISLAMI

Dalam perbahasan kajian SLR ini, tema utama yang dihasilkan ialah tema pandemik dalam sastera kembara Islami. Secara umumnya terdapat dua subtema yang dibentuk terdiri daripada subtema sejarah penularan wabak dalam sastera kembara Islami dan sistem kuarantin semasa pandemik dalam sastera kembara Islami. Manakala bagi perbincangan tema ini pula terhad kepada 4 rujukan/artikel sahaja yang membahaskan dari perspektif pandemik

meliputi kajian Tresso, C. M. (2021), Ezzahidi, M. (2018), Stolz, D. A. (2017) & Fortenberry, D. & Manley, D. (2009).

SUBTEMA PERTAMA: SEJARAH PENULARAN WABAK DALAM SASTERA KEMBARA ISLAMI

Berdasarkan subtema pertama ini, hanya 3 rujukan/artikel sahaja yang akan dikupas hasil dapatan kajian secara umum meliputi kajian ilmiah Tresso, C. M. (2021), Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) dan Stolz, D. A. (2017). Perbincangan umum bagi hasil dapatan kajian seperti di bawah.

Secara umumnya, dalam bahagian ini penekanan yang diberikan dalam subtema pertama ialah sejarah penularan wabak Kematian Hitam, Taun dan *Spanish Flu* yang ditonjolkan dalam kajian ilmiah lepas. Kupasan pertama ialah sejarah penularan wabak Kematian Hitam misalnya ditonjolkan dalam kajian ilmiah Tresso, C. M. (2021) berjudul *A Two-year Journey under the Arrows of the Black Death: The Medieval Plague Pandemic in Ibn Battūta's Travels*. Kajian ilmiah ini membahaskan dari sudut sastera kembara Islami oleh *Rihlah Ibn Battuta* semasa pengembaraannya pada abad ke-14. Tresso (2021) memfokuskan penyelidikannya terhadap pengembaraan Ibn Battuta ketika menjumpai wabak Kematian Hitam di Syria semasa perjalanannya ke Mekah untuk menunaikan haji sahaja.

Berlainan pula dari sudut sejarah penularan wabak Taun seperti yang dilakukan dalam dua kajian ilmiah Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) dan Stolz, D. A. (2017). Namun kajian SLR ini hanya memberi tumpuan pada kajian ilmiah Stolz, D. A. (2017) sahaja yang membahaskan mengenai sejarah penularan wabak taun di atas kapal pelayaran jemaah

Haji berbanding kajian Fortenberry, D., & Manley, D. (2009) yang tidak sesuai untuk dirujuk kerana membicarakan sejarah penularan wabak tersebut dari skop yang terlalu ringkas dan umum.

Akhir sekali wabak *Spanish Flu* pula dapat dilihat menerusi kajian ilmiah Ezzahidi, M. (2018) dalam *Quarantine in Ceuta and Malta in the travel writings of the late eighteenth-century Moroccan ambassador Ibn Uthmān Al-Meknassī*. Kajian ini membahaskan sejarah penularan wabak *Spanish Flu* tersebut semasa pengembaraan Ibn Uthman menunaikan haji sekitar abad ke-18.

SUBTEMA KEDUA: SISTEM KUARANTIN SEMASA PANDEMIK DALAM SASTERA KEMBARA ISLAMI

Seterusnya bagi subtema yang kedua iaitu sistem kuarantin semasa pandemik dalam sastera kembara Islami. Dalam perbincangan subtema kedua ini, terdapat 3 artikel/kajian yang akan ditonjolkan terdiri daripada kajian Fortenberry, D. & Manley, D. (2009), Stolz, D. A. (2017) dan Ezzahidi, M. (2018). Contohnya dalam kajian Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) membahaskan mengenai penguasaan Eropah dan kemajuan saintifik. Kajian ilmiah Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) mengkhususkan mengenai pengangkutan jemaah haji dan sistem kuarantin ketika penularan wabak berlaku semasa pengembaraan Muhammad Sadiq yang mengembara untuk menunaikan haji. Bukan setakat itu sahaja, kajian ini turut merekodkan perkembangan psikologi individu yang terperangkap antara kemodenan Timur dan Barat.

Berlainan pula dengan Stolz, D. A. (2017) dalam kajiannya yang membahaskan penderitaan para jemaah haji, kelasi dan masyarakat sepanjang pelayaran untuk menunaikan haji yang tercatat dalam sastera kembara Islami, *The Voyage of The Samannud*. Selain itu, kajian Stolz (2017) ini turut menentang rejim kuarantin baharu yang ditadbir oleh badan bertanggungjawab yang menguruskan hal berkaitan kuarantin jemaah Haji.

Akhir sekali dalam kajian Ezzahidi, M. (2018). Kajian ini pula membahaskan kepelbagaian prosedur kuarantin yang dijalankan di dua buah negara yang berbeza yang mengikuti gaya pemodenan Eropah ketika wabak *Spanish Flu* melanda seperti yang tercatat dalam pengembaraan Ibn Uthman al-Meknassi pada abad ke-18.

PERBINCANGAN

TEMA: PANDEMIK DALAM SASTERA KEMBARA ISLAMI

Secara keseluruhannya, dunia telah mengalami pelbagai krisis pandemik selepas 100 tahun, namun karya sastera Islami dan aktiviti sastera Islami masih wujud dalam lingkungan persekitarannya. Justeru, karya sastera kembara Islami perlu diangkat kepentingannya sebagai sumber rujukan utama dalam mengetahui aspek sosiologi dan pemikiran sesebuah masyarakat lebih-lebih lagi mengenai wabak. Menerusi hasil dapatan sebelum ini, perbincangan dilakukan adalah secara umum sahaja namun dalam bahagian ini akan mengupas dengan lebih teliti setiap satu subtema yang diketengahkan.

Perbincangan dalam kajian SLR ini meliputi tema: pandemik dalam sastera kembara Islami merangkumi dua subtema terfokus iaitu sejarah penularan wabak dalam sastera kembara Islami dan sistem kuarantin semasa pandemik dalam sastera kembara Islami. Kupasan dua subtema ini adalah berdasarkan pada jumlah karya sastera kembara Islami yang telah digunakan sebagai rujukan utama dalam 4 artikel/rujukan yang telah disaring dan menepati kelayakan untuk kajian SLR ini. Artikel/rujukan tersebut merangkumi kajian ilmiah Tresso, C. M. (2021), Ezzahidi, M. (2018), Stolz, D. A. (2017) & Fortenberry, D. & Manley, D. (2009).

SUBTEMA PERTAMA: SEJARAH PENULARAN WABAK DALAM SASTERA KEMBARA ISLAMI

1. Wabak Kematian Hitam dalam Sastera Kembara Islami

Berdasarkan subtema pertama ini, artikel/rujukan utama yang memenuhi kriteria kelayakan (boleh rujuk Rajah 1 dan Jadual 5) bagi kajian SLR ini ialah kajian ilmiah Tresso, C. M. (2021), *A Two-year Journey under the Arrows of the Black Death: The Medieval Plague Pandemic in Ibn Baṭṭūta's Travels*. Tresso (2021) membahaskan penularan wabak Kematian Hitam dalam sastera kembara Islami Ibn Battuta iaitu *Rihla Ibn Battuta*. Menerusi artikel Tresso, C. M. (2021) penulis dalam kajian ilmiah ini menggunakan tiga sumber rujukan daripada karya sastera kembara Islami iaitu Ibn Qadi Suhba (1977) yang berjudul *Ta' rīh*, Ibn Iyas (1960), *Badā'i*

al-Zuhūr dan al-Hādī (1997), *al-Tazi*. Karya-karya ini kebanyakannya membahaskan mengenai wabak Kematian Hitam yang meliputi aspek sejarah penularan wabak dan kadar kematian penduduk akibat wabak tersebut.

Secara umumnya, Tresso, C. M. (2021) menyatakan perbincangan dari aspek penularan wabak Kematian Hitam telah direkodkan dalam karya sastera kembara Islami al-Hādī (1997) yang berjudul *al-Tazi*. Dalam catatan al-Hadi, beliau mencatatkan pengembaraan Ibn Battuta yang telah mengembara ke beberapa tempat di Damascus dan menyaksikan sendiri penularan wabak Kematian Hitam sekitar abad ke-14. Al-Hādī menyatakan bahawa pengembaraan Ibn Battuta ketika menjumpai wabak Kematian Hitam bermula di kawasan Syria pada bulan Julai 1348. Kemudian dalam catatannya juga turut menerangkan kawasan-kawasan lain yang mengalami penularan wabak tersebut seperti di kawasan Madurai di India, kawasan Gaza dan bandar-bandar Mesir ketika itu.

Contohnya di kawasan Madurai di India, al-Hadi mencatatkan Ibn Battuta ketika mengembara ke Madurai telah diundang oleh seorang ulama yang bernama ‘Izz al-Din yang mempunyai susur galur keturunan dengan qadi di Kaherah. Semasa pengembaraan Ibn Battuta, negara India ketika itu merupakan negara yang mati kerana tidak mempunyai apa-apa kecuali masyarakat yang sedang sakit akibat wabak. Bahkan juga pemerintah ketika itu memerintahkan bagi masyarakat yang meninggal dunia akibat wabak Kematian Hitam tidak akan dibacakan *talkin* seperti kebiasaannya.

Begitu juga yang berlaku di kawasan Gaza yang turut lengang dan sunyi. Hal ini berlaku disebabkan faktor penularan wabak Kematian Hitam yang sangat tinggi menyebabkan kadar penduduk di Gaza sangat rendah. Selain itu, al-Hādī dalam catatannya, *al-Tazi* memberi gambaran yang sama mengenai beberapa bandar lain di Mesir yang ditinggahi oleh Ibn Battuta. Antara bandar yang dinyatakan seperti bandar *al-Maḥalla al-Kabīra*, *Nahrariyya*, *Abyār*, *Damanhūr* dan akhir sekali bandar *Iskandariah*. Menurut al-Hādī, kadar jumlah kematian wabak Kematian Hitam ketika itu meningkat dengan sangat drastik iaitu sebanyak 21 ribu dalam masa sehari sahaja.

Kenyataan yang diberikan oleh al-Hādī disokong dalam karya sastera kembara Islami oleh Ibn Qāḍī Šuhba (1977), *Ta’rīḥ* dan Ibn Iyās (1982), *Badā’i’ al-Zuhūr*. Kedua-dua karya ini merekodkan bahawa kematian penduduk pada ketika itu sangat tinggi

khususnya di kawasan Gaza dan Damsyik yang merekodkan kematian antara 13,000 sehingga 20,000 kematian. Adapun menjangkau sehingga 24,000 sehari seperti yang direkodkan oleh Ibn Iyas dalam *Badā’i’ al-Zuhūr*.

2. Wabak Spanish Flu dalam Sastera Kembara Islami

Seterusnya kupasan sejarah penularan wabak *Spanish Flu* ditonjolkan dalam artikel/rujukan ilmiah Ezzahidi, M. (2018), *Quarantine in Ceuta and Malta in the travel writings of the late eighteenth century Moroccan ambassador Ibn Uthman Al-Meknassi*. Berdasarkan kajian ilmiah ini, Ezzahidi, M. (2018) telah merujuk karya sastera kembara Islami Mohammed Amine El-Bezzaz (1992), *Tarekh al majâa wa al awbâie bi al Maghreb* sahaja ketika membahaskan mengenai wabak *Spanish Flu*.

Contohnya dalam catatan Mohammed Amine El-Bezzaz (1992), *Tarekh al majâa wa al awbâie bi al Maghreb*, wabak *Spanish Flu* ketika itu menular semasa pemerintahan Moulay Ismail pada tahun 1678-1680 di Maghribi. Dalam catatannya ini, beliau menyatakan bahawa kawasan Maghribi telah mulai reda daripada penularan wabak. Namun mulai merebak dengan meluas di kawasan sekitar Algeria dan Tunisia. Kira-kira Mac 1742 wabak *Spanish Flu* ini mulai menular dengan sangat pesat melintasi sempadan timur dan di kawasan Algeria, Taza dan ke semua bandar utara utama Maghribi termasuk Tetouan, Asilah dan Tangier. Menurut Mohammed Amine el-Bezzaz lagi, penularan wabak ini dilihat semakin pesat selepas perang saudara yang dicetuskan oleh Putera Mahkota Alawit anak kepada pemerintah Moulay Ismail iaitu pada tahun 1727 hingga akhir 1740. Beliau menyatakan, bala tentera yang bergerak dari Tetouan dan Tangier ke arah Fes telah menyumbang kepada penularan wabak tersebut di kawasan lain.

3. Wabak Taun dalam Sastera Kembara Islami

Manakala dari sudut perbincangan sejarah penularan wabak taun pula ditonjolkan dalam kajian ilmiah Stolz, D. A. (2017), *The Voyage Of The Samannud: Pilgrimage, Cholera, And Empire On An Ottoman-Egyptian Steamship Journey In 1865-66* sahaja. Umumnya Stolz, D. A. (2017) telah merujuk satu sahaja karya sastera kembara Islami iaitu Ali Mubarak (1886), *al-Khitat al-Tawfiqiyya al-Jadida*. Dalam catatan Ali Mubarak (1886), *al-Khitat al-Tawfiqiyya*

al-Jadida beliau membahaskan sejarah pelayaran Samannud ke Mekah. Menurut Ali Mubarak (1886), Samannud merupakan sebuah kapal wap yang berada di bawah penguasaan Khedive Ismail Pasa. Kapal wap ini berperanan penting untuk membawa jemaah Haji di Afrika Utara seramai 1,845 penumpang. Menurut Ali Mubarak (1886) pelayaran Samannud ini sangat hebat kerana sepanjang perjalanannya itu telah berlaku wabak taun yang mengancam nyawa penumpang kapal tersebut sekitar tahun 1865. Ali Mubarak juga menyatakan, pengemudi kapal Samannud bernama Sulayman Qabudan Halawa merupakan seorang pengembara yang menyaksikan sepenuhnya situasi tersebut khususnya pengalaman jemaah haji Afrika Utara dan penguatkuasaan sistem kuarantin ketika wabak taun melanda ketika itu.

Secara kesimpulannya, purata sumber rujukan daripada karya sastera kembara Islami yang telah dirujuk oleh 4 artikel/rujukan terpilih kajian SLR dalam subtema pertama adalah sebanyak dua sumber rujukan sahaja. Kuantiti rujukan daripada sastera kembara Islami ini adalah sangat rendah dan perlu diberi penekanan lagi pada kajian akan datang. Namun bagaimana pula dalam subtema kedua? Adakah sumber rujukan terhadap karya sastera kembara Islami semakin bertambah? Atau pun sebaliknya? Perkara ini akan dibincangkan seperti di bawah.

SUBTEMA KEDUA: SISTEM KUARANTIN SEMASA PANDEMIK DALAM SASTERA KEMBARA ISLAMI

Seterusnya perbincangan subtema kedua kajian SLR ini ialah sistem kuarantin semasa pandemik dalam sastera kembara Islami. Perbahasan dalam bahagian ini tertakluk kepada dua jenis wabak sahaja iaitu jenis wabak *Spanish Flu* dan wabak Taun. Kupasan lebih lanjut seperti di bawah:

1. Wabak Spanish Flu dalam Sastera Kembara Islami

Kupasan mengenai sistem kuarantin semasa wabak *Spanish Flu* ditonjolkan dalam sumber kajian ilmiah Ezzahidi, M. (2018), *Quarantine in Ceuta and Malta in the travel writings of the late eighteenth century Moroccan ambassador Ibn Uthman Al-Meknassi*. Penulis Ezzahidi (2018) dalam kajian ilmiahnya menggunakan dua karya sastera kembara Islami sahaja sebagai rujukan utama iaitu terdiri daripada Ibn Uthman Al-Meknassi yang berjudul *Al-Iksir Fi Fikak*

Al-Asîr (1965) dan Muhammad Ben Abdelwahhab al-Ghassani dalam *Rihlat al-wazir fi iftikak al-assîr*.

Menurut catatan Ibn Uthman Al-Meknassi, *Al-Iksir Fi Fikak Al-Asîr* (1965) semasa wabak *Spanish Flu* berlaku, Ibn Uthman Al-Meknassi telah berkuarantin selama 14 hari di dua buah bandar pelabuhan Mediterranean, pertama di Ceuta Sepanyol pada 1779 dan kemudiannya di Valletta, pelabuhan utama Malta sekitar tahun 1782. Bahkan catatannya turut membahaskan langkah-langkah pencegahan penularan wabak yang diambil mengikut cara Eropah, khususnya bagi melindungi kesihatan penduduk dan barang dagangan pertukaran komersial. Antara cara yang digunakan ialah mensanitasi barang dagangan dan juga penduduk di sesebuah kawasan.

Penerangan lebih lanjut mengenai pengembaraan Ibn Uthman al-Meknassi ini boleh juga dirujuk dalam sastera kembara Islami oleh Muhammad Ben Abdelwahhab al-Ghassani dalam *Rihlat al-wazir fi iftikak al-assîr*. Dalam *Rihlat* tersebut, al-Ghassani membahaskan mengenai Ibn Uthman al-Meknassi, merupakan pengembara Maghribi pertama yang menghadapi situasi berkuarantin di Eropah bersama duta abad itu bernama Ahmad al-Mehdi al-Ghazzal dan duta Sidi Muhammad ibn Abdallah.

2. Wabak Taun dalam Sastera Kembara Islami

Berlainan pula kupasan kajian SLR dalam wabak taun ini yang diberi penekanan pada 2 jenis artikel/rujukan kajian SLR daripada sumber Stolz, D. A. (2017), *The Voyage Of The Samannud: Pilgrimage, Cholera, And Empire On An Ottoman-Egyptian Steamship Journey In 1865-66* dan Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) *Saddling the Dogs: Journeys Through Egypt and the Near East*.

Dalam artikel kajian Stolz, D. A. (2017), *The Voyage Of The Samannud: Pilgrimage, Cholera, And Empire On An Ottoman-Egyptian Steamship Journey In 1865-66* misalnya membahaskan sistem kuarantin yang dikuatkuasakan semasa pelayaran Samannud di Timur Tengah. Stolz dalam kajiannya telah merujuk catatan Mostafa Minawi (2016), *The Ottoman Scramble for Africa*. Dalam catatan Mostafa Minawi (2016), *The Ottoman Scramble for Africa*, beliau membahaskan sistem kuarantin di Samannud. Menurutnyanya ketika penularan wabak taun berlaku pada abad itu, para penumpang jemaah Haji akan dipaksa untuk berkuarantin terlebih dahulu dan bagi yang bergejala mereka akan dikeluarkan daripada kapal untuk kuarantin. Malah yang paling mengerikan, mayat jemaah Haji yang meninggal

dunia akibat wabak taun adalah tertakluk kepada keperluan Sulayman Qabudan Halawa (pengemudi kapal) untuk merahsiakannya ataupun tidak daripada pihak berkuasa di darat.

Berlainan pula perbincangan dalam artikel kajian Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) *Saddling the Dogs: Journeys Through Egypt and the Near East* yang mencatatkan mengenai langkah pencegahan yang dikuatkuasakan suatu ketika dahulu bagi menangani wabak taun dengan merujuk dua karya sastera kembara Islami. Contohnya digambarkan dalam catatan Luqa, Q. (1992) *Risalah fi Tadbir Safar al-Hajj* dan Muhammad Sadiq (1884) *Kawkab Al-Haj Fi Sayr Al-Mahmal Bahrain Wa Sayr Hi Barran*. Kedua-dua catatan ini membahaskan mengenai langkah pencegahan ketika wabak taun berlaku. Dalam catatan Luqa, Q. (1992) *Risalah fi Tadbir Safar al-Hajj* mengupas mengenai langkah pencegahan oleh pihak berkuasa ketika penularan wabak berlaku semasa menunaikan haji. Beliau mencatatkan seawal abad ke-10 lagi terdapat banyak penyakit yang tidak dapat dielakkan terutamanya ketika menunaikan haji. Oleh itu, terdapat beberapa langkah yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa pada waktu itu dalam mencegah penularan wabak taun daripada berleluasa antaranya mengasingkan air minuman seharian dengan air untuk mandi dan memusatkan satu tempat khas untuk aktiviti korban haiwan.

Manakala catatan Muhammad Sadiq (1884), *Kawkab Al-Haj Fi Sayr Al-Mahmal Bahrain Wa Sayrihi Barran* pula membahaskan langkah-langkah pencegahan wabak yang dikuatkuasakan di Tur pada tahun 1884. Beliau mencatatkan kawasan kuarantin ketika itu dibina di atas tanah berpasir yang agak jauh dari pantai dan juga hospital. Pusat kuarantin ketika itu merupakan sebuah perkhemahan yang dibina yang terletak kira-kira jauhnya sekitar dua ratus meter dari pantai. Dalam catatannya menggambarkan secara ringkas mengenai pusat kuarantin tersebut yang mempunyai bumbung yang utuh dan dinding yang reput. Beliau menggambarkan perkhemahan yang dibina tersebut terdapat banyak koyakan di semua sisi. Bahkan turut membahaskan mengenai para pesakit yang bergejala akan di tempatkan di bawah khemah manakala bagi yang tidak mempunyai jangkitan ditempatkan di dalam kapal.

Secara keseluruhan bagi subtema kedua ini, kupasan mengenai sistem kuarantin hanya terdapat dalam kajian SLR Stolz, D. A. (2017) *The Voyage Of The Samannud: Pilgrimage, Cholera, And Empire*

On An Ottoman-Egyptian Steamship, Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) *Saddling the Dogs: Journeys Through Egypt and the Near East* & Ezzahidi, M. (2018) *Quarantine in Ceuta and Malta in the travel writings of the late eighteenth century Moroccan ambassador Ibn Uthman Al-Meknassi Malika Ezzahidi* sahaja. Berdasarkan penelitan, ketiga-tiga kajian ini mengupas dari sudut yang berbeza. Kajian Stolz, D. A. (2017) membahaskan penguatkuasaan kuarantin di atas kapal pelayaran Samannud ke Mekah semasa pandemik taun berlaku dan hanya merujuk dua karya sastera kembara Islami sahaja iaitu Ali Mubarak (1886), *al-Khitat al-Tawfiqiyya al-Jadida* dan Mostafa Minawi (2016), *The Ottoman Scramble for Africa*.

Seperti dijelaskan sebelum ini, dalam kajian Stolz, D. A. (2017) memfokuskan sistem kuarantin di atas kapal, namun dalam kajian Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) *Saddling The Dogs: Journeys Through Egypt And The Near East* & Ezzahidi, M. (2018) *Quarantine In Ceuta And Malta In The Travel Writings Of The Late Eighteenth Century Moroccan Ambassador Ibn Uthman Al-Meknassi Malika Ezzahidi* pula memperlihatkan dari sudut sistem kuarantin di atas daratan yang menghimpunkan pesakit wabak di kawasan perkhemahan khusus. Dalam kajian Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) misalnya membahaskan mengenai langkah pencegahan yang dilakukan oleh pihak berkuasa semasa musim Haji meliputi perbahasan pusat kuarantin, pengasingan masyarakat yang bergejala dan tempat aktiviti berkorban haiwan di Mekah. Kajian Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) ini telah merujuk sumber sastera kembara Islami oleh Luqa, Q. (1992) *Risalah fi Tadbir Safar al-Hajj* dan Muhammad Sadiq (1884), *Kawkab Al-Haj Fi Sayr Al-Mahmal Bahrain Wa Sayrihi Barran*.

Manakala dalam kajian Ezzahidi, M. (2018) *Quarantine In Ceuta And Malta In The Travel Writings Of The Late Eighteenth Century Moroccan Ambassador Ibn Uthman Al-Meknassi Malika Ezzahidi* pula menekankan dari aspek pengalaman pengembara Ibn Uthman Meknassi ketika berkuarantin di Malta. Kajian Ezzahidi ini telah merujuk sumber rujukan sastera kembara Islami *Al-Badr Asâfir* (1799) dan *Al-Iksir Fi Fikak Al-Asir* (1965) oleh Ibn Uthman al-Meknassi. Namun uniknya kajian Ezzahidi ini mengupas dari sudut sanitasi barang dagangan dan penduduk kampung di Malta. Kajian ini juga banyak memberi rekomendasi terhadap beberapa karya sastera kembara Islami lain yang boleh dirujuk apabila membahaskan pengalaman Ibn

Uthman Mekkassi ketika kuarantin di Malta seperti yang tercatat dalam catatan Ben Abdelwahhab al-Ghassani dalam *Rihlat Al-Wazir Fi Iftikak Al-Assir*.

Secara kesimpulannya perbincangan sebelum ini membahaskan mengenai dua subtema sahaja iaitu meliputi aspek sejarah penularan wabak dan sistem kuarantin semasa pandemik dalam sastera kembara Islami. Didapati hanya 4 rujukan/artikel sahaja yang melepasi syarat kelayakan seperti ditunjukkan dalam Rajah 1, Jadual 2 dan Jadual 5. Keempat-empat kajian tersebut ialah Tresso, C. M. (2021), Ezzahidi, M. (2018), Stolz, D. A. (2017) & Fortenberry, D., & Manley, D (2009).

Menerusi penelitan terhadap subtema pertama iaitu sejarah penularan wabak, kajian SLR ini mencadangkan penyelidikan pada masa akan datang perlu untuk meluaskan lagi skop perbincangannya ke negara-negara Timur Tengah yang lain selain daripada Mekah, Madinah dan Syria. Manakala bagi subtema kedua dari sudut sistem kuarantin pula perlu difokuskan dengan lebih teliti mengenai langkah pencegahan saintifik yang digunakan lebih-lebih lagi perubatan ataupun kaedah khusus yang digunakan

oleh kakitangan hospital. Dengan penekanan ini, dapat dijadikan rujukan masyarakat pada hari ini untuk merancang jenis-jenis perubatan yang boleh dihasilkan ketika menghadapi pandemik COVID-19. Bukan setakat itu sahaja, penekanan dari sudut kawasan kuarantin, tempoh kuarantin dan pusat-pusat kuarantin yang digunakan boleh dikaji dalam karya sastera kembara Islami tersebut kerana perbincangan ini termasuk dalam skop pencegahan saintifik yang diaplikasikan oleh masyarakat terdahulu.


LIMITASI DAN CABARAN

Keseluruhan tinjauan dan sintesis kajian yang dipilih telah mendedahkan bahawa kajian pandemik dalam sastera kembara Islami masih relevan dan mendapat tempat di peringkat global. Namun penemuan dalam *trend* juga mendedahkan bahawa terdapat kekurangan penyelidikan yang dijalankan dari sudut sumber rujukan sastera kembara Islami yang digunakan dalam 4 kajian yang berfokus dalam SLR ini. Keseluruhan tinjauan dan sintesis yang dilakukan seperti Jadual 5 di bawah:

JADUAL 5. Senarai 4 Artikel/Rujukan Utama dalam Kajian SLR dan Rujukan Sastera Kembara Islami

	Rujukan/Artikel SLR	Rujukan Sastera Kembara Islami
1	Tresso, C. M. 2021. <i>A Two-year Journey under the Arrows of the Black Death: The Medieval Plague Pandemic in Ibn Baṭṭūṭa's Travels</i> . <i>Journal of Arabic and Islamic Studies</i> 21(1): 137–189.	1. Ibn Qadi Suhba (1977), <i>Ta'riḥ</i> 2. Ibn Iyas (1960), <i>Badā'i al-Zuhūr</i> 3. al-Hādī (1997), <i>al-Tazi</i>
2	Ezzahidi, M. 2018. <i>Quarantine in Ceuta and Malta in the travel writings of the late eighteenth century Moroccan ambassador Ibn Uthman Al-Meknassi Malika Ezzahidi</i> . United Kingdom: Manchester University Press.	1. Mohammed Amine El-Bezzaz (1992), <i>Tarekh Al Majâa Wa Al Awbiae Bi Al Maghreb</i> 2. Ibn Uthman Al-Meknassi, <i>Al Iksir Fi Fikak Al Asir</i> (1965) 3. Muhammad Ben Abdelwahhab al-Ghassani (1690), <i>Rihlat Al-Wazir Fi Iftikak Al-Assir</i> .
3	Stolz, D. A. 2017. <i>The Voyage of The Samannud: Pilgrimage, Cholera, And Empire On An Ottoman-Egyptian Steamship Journey In 1865-66</i> . <i>International Journal of Turkish Studies</i> 23(1): 3–18.	1. Ali Mubarak (1886), <i>al-Khitat al-Tawfiqiyya al-Jadida</i> 2. Mostafa Minawi (2016), <i>The Ottoman Scramble for Africa</i>
4	Fortenberry, D. & Manley, D. 2009. <i>Saddling the Dogs: Journeys Through Egypt and the Near East</i> . Oxbow Books.	1. Luqa, Q. (1992) <i>Risalah fi Tadbir Safar al Hajj</i> 2. Muhammad Sadiq (1884), <i>Kawkab Al-Haj Fi Sayr Al-Mahmal Bahrain Wa Sayrihi Barran</i> .

Berikut merupakan penerangan lebih lanjut bagi Jadual 5 di atas:



RAJAH 2. Hasil Dapatan Keseluruhan Kajian SLR Pandemik Dalam Sastera Kembara Islami

Rajah 2 merupakan keseluruhan hasil dapatan bagi kajian SLR ini iaitu sorotan literatur bersistematik dalam sastera kembara Islami. Berdasarkan kajian SLR ini, kajian-kajian lepas yang membahaskan mengenai pandemik dalam karya sastera kembara Islami hanya terdiri daripada 4 kajian/artikel sahaja daripada 36 kajian yang telah disaring di peringkat rekod yang layak kajian diterima selepas penyingkiran (Rujuk Carta Alir PRISMA). Menerusi penelitian terhadap 4 artikel/kajian, tema pandemik dalam sastera kembara Islami menghasilkan 2 subtema iaitu sejarah penularan wabak dalam sastera kembara Islami dan sistem kuarantin semasa pandemik dalam sastera kembara Islami.

Bagi subtema pertama iaitu sejarah penularan wabak dalam sastera kembara Islami ini dapat menghasilkan 3 jenis wabak sahaja berdasarkan 4 kajian/artikel (rujuk Rajah 2 sebelum ini) iaitu meliputi wabak Kematian Hitam, Taun dan *Spanish Flu*. Pada bahagian subtema pertama ini, hanya

3 kajian/rujukan sahaja yang boleh diguna pakai rujukannya kecuali kajian Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) kerana kupasannya tidak sesuai untuk dijadikan rujukan khusus bagi pengkaji pada masa akan datang yang ingin melakukan dari perspektif sejarah penularan wabak. Manakala bagi subtema kedua pula mengupas dari sudut sistem kuarantin semasa pandemik dalam sastera kembara Islami berdasarkan 3 kajian/artikel dalam (Rajah 2) iaitu kajian Stolz, D. A. (2017), Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) & Ezzahidi, M. (2018).

Didapati 4 kajian/artikel yang difokuskan dalam SLR ini merujuk sumber rujukan sastera kembara Islami secara menyeluruh. Daripada 4 kajian/artikel ini rata-ratanya merujuk tidak kurang daripada 2 sumber rujukan sastera kembara Islami sahaja dalam kajian mereka (boleh rujuk Jadual 6). Bahkan kupasan mengenai skop pandemik dalam sumber rujukan sastera kembara Islami yang dirujuk pula perlu diberi penekanan dengan lebih mendalam lagi

dan perlu diterokai dengan lebih teliti. Dalam erti kata lain, kebanyakan 4 kajian/artikel ini hanya mengupas secara umum sahaja dan tidak pula secara mendalam dari aspek pandemik tersebut. Hal ini terjadi disebabkan kurangnya jumlah penyelidikan yang berkaitan sastera kembara Islami. Buktinya dapat dilihat dalam (Jadual 6 yang dilampirkan sebelum ini). Berdasarkan Jadual 6 tersebut keseluruhan bagi 4 artikel/rujukan yang terpilih (rujuk Rajah 1) hanya merujuk 10 sumber rujukan sastera kembara Islami sahaja dalam kajian mereka.

Melalui kajian kritis ini, keputusan juga menunjukkan bahawa terdapat pelbagai hasil ke atas kajian yang dijalankan sama ada dari sudut kelebihan, kekurangan atau tidak menunjukkan signifikan terhadap tema yang dibangunkan. *Trend* ketidakkonsistenan dalam keputusan ini adalah salah satu *trend* yang telah melanda kajian mengenai sastera kembara Islami dalam bidang sains sosial khususnya selama beberapa dekad.

Berdasarkan 4 artikel/rujukan dalam kajian SLR yang dibahaskan ini yang meliputi kajian Tresso, C. M (2021), Stolz, D. A (2017), Ezzahidi, M. (2018) & Fortenberry, D., & Manley, D (2009) menunjukkan signifikan bagi penyelidik masa hadapan untuk merujuk sumber sastera kembara Islami dengan lebih mendalam ketika membahaskan dari sudut sosiologi sesebuah kemasyarakatan suatu ketika dahulu semasa pandemik. Hal ini kerana sastera kembara Islami sangat penting untuk dijadikan rujukan dan merupakan medium utama dalam mengetahui realiti sebenar masyarakat dalam negara yang dikunjungi oleh pengembara itu sendiri (Noordin Mohd Noor 2018).

Oleh itu, penyelidik pada masa hadapan perlu menilai semula kajian pandemik dalam sastera kembara Islami secara khusus kerana terbukti memberi manfaat dari sudut membekalkan informasi berguna terhadap masyarakat ketika berhadapan dengan pandemik suatu ketika dahulu. Seperti yang dikaji oleh 4 kajian/artikel terpilih ini yang memberikan maklumat mengenai sejarah penularan pandemik Kematian Hitam, Taun dan *Spanish Flu* dan juga pelaksanaan sistem kuarantin semasa pandemik dalam sastera kembara Islami.

Akhir sekali, analisis dan sintesis kajian yang disemak ini telah menemui jurang yang besar dalam penyelidikan sastera kembara amnya dan sastera kembara Islami khususnya lebih-lebih lagi mengenai pandemik suatu ketika dahulu. Kebanyakan 4 kajian/rujukan terpilih ini mencakupi konteks kajian mengenai sejarah penularan wabak dan juga

sistem kuarantin semasa pandemik seperti yang tercatat dalam sastera kembara Islami. Menerusi kajian SLR ini sangat jelas bahawa masih wujud kekurangan umum dalam memahami bagaimana situasi masyarakat suatu ketika dahulu menghadapi pandemik. Meskipun tidak banyak lagi kajian yang dijalankan terhadap sastera kembara Islami secara khusus namun, kajian sastera kembara Islami ini masih lagi mendapat tempat di hati para sarjana di peringkat global.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Dalam mengharungi era globalisasi, kajian mengenai sastera kembara Islami dilihat kurang mendapat perhatian dalam dunia penyelidikan. Hal ini dibuktikan melalui sorotan literatur kajian lepas, hanya 4 daripada 731 kajian dapat dikeluarkan khususnya daripada jurnal berimpak tinggi seperti *Scopus* dan *WoS* yang mengkaji dari perspektif sastera kembara Islami semasa pandemik. Kajian tersebut terdiri daripada kajian Tresso, C. M. (2021) *A Two-year Journey under the Arrows of the Black Death: The Medieval Plague Pandemic in Ibn Baṭṭūṭa's Travels*, Stolz, D. A. (2017) *The Voyage Of The Samannud: Pilgrimage, Cholera, And Empire On An Ottoman-Egyptian Steamship Journey In 1865-66*, Fortenberry, D. & Manley, D. (2009) *Saddling the Dogs: Journeys Through Egypt and the Near East* & Ezzahidi, M. (2018) *Quarantine in Ceuta and Malta in the travel writings of the late eighteenth century Moroccan ambassador Ibn Uthman Al-Meknassi Malika Ezzahidi*.

Berdasarkan kajian SLR ini jelas menunjukkan penyelidikan mengenai sastera kembara Islami mempunyai ruang penyelidikan yang cukup besar dan perlu diselidiki dengan kadar segera. Hal ini kerana kupasan mengenai pandemik dalam sastera kembara ternyata mempunyai kemanfaatannya antaranya dapat memperoleh maklumat penting mengenai kemodenan sistem kuarantin yang dikuatkuasakan oleh masyarakat terdahulu ketika pandemik berlaku. Oleh itu, kajian lanjutan mengenai pandemik dalam genre sastera kembara Islami perlu dilakukan.

Contohnya penekanan dari sudut kajian sistem kuarantin yang dikuatkuasakan di kawasan Timur Tengah suatu ketika dahulu. Hal ini kerana masyarakat dapat mengambil maklumat-maklumat penting mengenai pembaharuan yang dilakukan masyarakat terdahulu yang terlebih dahulu mengalami situasi pandemik ini. Secara umumnya, kajian mengenai sistem kuarantin ini sangat perlu dititikberatkan dan

dikupas pada kajian selanjutnya kerana telah terbukti sebagai salah satu langkah proaktif bagi mengekang penularan wabak daripada berlaku. Bahkan masyarakat pada masa kini juga boleh memanfaatkan kajian sebegini dengan menambahbaik sistem kuarantin yang digunakan oleh masyarakat zaman dahulu untuk kegunaan semasa. Selain itu, artikel kajian SLR ini dilihat membincangkan satu topik semasa khususnya mengenai pandemik dalam genre sastera kembara Islami. Tajuk perbincangan yang diketengahkan iaitu Sorotan Bersistematik Literatur: Pandemik Dalam Sastera Kembara Islami sangat relevan dengan situasi semasa dan kajian sebegini dapat memberi gambaran dan pelbagai input tentang tanggapan masyarakat terhadap pandemik serta kaitannya dengan sosiologi kehidupan sepertimana yang termaktub dalam genre sastera kembara Islami.

KESIMPULAN

Sastera ialah bidang seni kreatif yang menggunakan bahasa untuk berkomunikasi. Karya sastera sememangnya memberi nilai pengajaran terhadap sesebuah ketamadunan. Begitu juga penelitian terhadap sastera kembara Islami. Umumnya sastera kembara Islami ini dihasilkan menerusi ekspresi pengembara yang memerihalkan realiti masyarakat termasuklah realiti masyarakat di kala pandemik. Berdasarkan pemerhatian, sorotan literatur bersistematik terhadap 4 kajian/rujukan terpilih mendedahkan bahawa kekurangan sintesis kritikal terhadap kajian dalam perspektif pandemik dalam sastera kembara Islami perlu diselidiki dan dianalisis dengan penyelidikan baharu yang lebih mendalam. Umumnya kajian SLR yang dilakukan ini, perlu dilakukan dengan lebih mendalam kerana ia sarat dengan pelbagai informasi penting yang dilalui dan dihayati secara realistik oleh pengembara-pengembara Islam yang mengembara semasa pandemik berlaku. Tambahan lagi, hasil dapatan kajian yang melibatkan kelebihan, kekurangan dan tiada penemuan penting terhadap 4 kajian/rujukan terpilih yang difokuskan dalam kajian SLR ini adalah disebabkan para penulis tersebut kurang merujuk sumber rujukan daripada sastera kembara Islami. Hal ini dibuktikan menerusi sumber rujukan daripada 4 artikel yang difokuskan dalam kajian SLR ini. Didapati penulis dalam 4 artikel/kajian ini hanya merujuk tiga sumber rujukan sastera kembara Islami sahaja ketika melakukan penyelidikan mereka terhadap pandemik. Oleh itu, kajian SLR ini telah membentangkan hasil dapatan dan cadangan untuk

membantu penyelidik memahami kajian SLR (sorotan literatur bersistematik) terhadap pandemik dalam sastera kembara Islami serta menyediakan beberapa cadangan untuk penyelidikan masa hadapan. Dengan pemahaman terhadap kajian SLR ini, penyelidikan dan kajian masa hadapan boleh memberi tumpuan untuk mengkaji dari aspek sosiologi masyarakat khususnya dari skop pandemik yang tercatat dalam sastera kembara Islami.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di bawah dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) kod projek FRGS/1/2022/SSI10/UKM/03/1 berjudul Model Psikospiritual Pengurusan Emosi Era Pandemik Dalam Sastera Kembara Islami. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan.

RUJUKAN

- Abd al-Hādī. 1997. *al-Tāzī*. (ed.). Riḥlat Ibn Baṭṭūṭa. Al-Ribāṭ [Rabat]: Maṭbū'at Akādīmīya al-Mamlīka al-Maghribīya.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Nurhafizah Mohd. Sukor, Nor Hanizah Ab. Razak. 2020. Wabak Covid-19: Pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research* 2(4):156-174.
- Alī Mubārak. 1886. *Al-khiṭaṭ al-tawfiqīya al-jadīda li-miṣr al-qāhira wa-muduni-hā wa-bilādi-hā al-qadīma wa-al-shahīra*. Būlāq: al-Maṭba'a al-Kubrā al-Amīriya.
- Al-Areḳi, R. M. M. 2016. Rise of Islamic Literature between Fact and Fiction. *Journal of Language Teaching and Research* 7(4): 682-689.
- Asma' Mohd Yusof & Nursafira Ahmad Safian. 2019. Konsep Sastera Islam oleh Muhammad Qutb dan Muhammad Uthman El-Muhammady: Satu perbandingan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* (3): 475-490.
- Azzurin Mohd Yassin & Mas Ryna Wati Ahmad. 2018. Konsep Jati Diri Melayu dalam Puisi Catatan Kembara "Nota Kecil Menyeberang Usia. *Jurnal Melayu* 17(2): 299-311.
- Borm, J., 2001. *Defining Travel: On the Travel Book, Travel Writing and Terminology*. United Kingdom: Routledge.
- Boss, G. 1992. *Qusta Ibn Luqa's Medical Regime for The Pilgrims To Mecca-The Risalah Fi Tadbir Safar Al-Hajj*. Leiden: E. J. Brill.
- Dabhi, S. 2016. An introduction to travel writing. *Journal of Multi-Disciplinary* (16): 1-3.
- David Arnold. 1993. *Colonizing the Body: State Medicine and Pandemic Disease in Nineteenth Century India*. United Kingdom: University of California Press.
- Dols, M. W. 1977. *The Black Death in the Middle East*. United States: Princeton University Press.
- Durach, C.F., Kembro, J. & Wieland, A. 2017. A New Paradigm for Systematic Literature Reviews in Supply Chain Management. *Journal of Supply Chain Management* 53(14): 67-85.

- Ezzahidi, M. 2018. *Quarantine in Ceuta and Malta in the travel writings of the late eighteenth-century Moroccan ambassador Ibn Uthmān Al-Meknassī*. United Kingdom: Manchester University Press.
- Fazlinejad, A. 2015. Factors and Consequences of the Spread of the Black Death (Great Plague of the Middle Ages) in Iran (Eighth and Ninth Century AH / Fourteenth and Fifteenth Century AD). *Journal of Research on History of Medicine* 4(4): 211-224.
- Fortenberry, D., & Manley, D. (Eds.). 2009. *Saddling the Dogs: Journeys Through Egypt and the Near East*. England: Oxbow Books.
- Furchan, A. 2004. *Pengantar Penelitian dalam Pendidikan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Al-Ghassani, Muhammad Ben Abdelwahhab. 1690. *Rihlat al-wazir fi iftikak al-assīr 1690-91*. ed. AbūDhabī: Nūrī al-Jarrāh.
- Gusenbauer, M., & Haddaway, N. R. 2020. Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 other resources. *Research Synthesis Methods* 11(2): 181–217.
- Gutierrez Salines, L. M. 2018. A view of the bubonic plague from the perspective of Ibn Battuta using GIS. Master Thesis. University of Redlands, California.
- Haddaway, N. R., Collins, A. M., Coughlin, D., & Kirk, S. 2015. The role of google scholar in evidence reviews and its applicability to grey literature searching. *Plos One* 10(9): 1–17.
- Ibn Baṭṭūta. 1987. *Tuḥfat Al-Nuẓẓār Fī Gharā'ib Al-Amsār Wa-'Ajā'ib Al-Asfār*. Beirut: Dār Iḥyā' al-'Ulūm.
- Ibn Iyās. 1960. *Badā'ī' Al-Zuhūr*. ed. M. Mustafa. Cairo: Wiesbaden.
- Ibn Iyās. 1982. *Badā'ī' Al-Zuhūr*. Kaherah: al-Hay'ah al-Miṣrīyah al-'Āmmah lil-Kitāb.
- Ibn Qāḍī Shuhbah. 1977. *Tārīkh Ibn Qāḍī Shuhbah*. ed. 'Adnan Darwis. Dimashq: al-Ma'had al-'Ilmi al-Faransi lil-dirasat al-'Arabiyah.
- Ibn Uthmān Al-Meknassī. 1799. *Al-Bādr as-Sāfir li Hidāyat al-Mūsafir ila Fākāk al-Asārā mina al-'Aduww al-Kafir*. Dār al-Bayḍā': Jami'āt al-Ḥasan al-Thānī.
- Ibn Uthmān Al-Meknassī. 1965. *Al-Iksir Fī Fīkāk Al-Asīr*. Al-Ribāt: al-Markaz al-Ġāmi'ī lil-baḥṭ al-'Ilmī.
- Ibn Uthmān Al-Meknassī. 2005. *Al-Bādr as-Sāfir li Hidāyat al-Mūsafir ila Fākāk al-Asārā mina al-'Aduww al-Kafir*. Ed. Malīkah Zāhidī. Dār al-Bayḍā': Manshūrāt Kullīyat al-Adāb wa-al-'Ulūm al-Insāniyah.
- Kingsley, M. H. 2013. *Travels in West Africa*. United States: CreateSpace Independent.
- Lawrence I. C. 1994. Epidemic disease in central Syria in the late sixth century some new insights from the verse of assān ibn Thābit. *Byzantine and Modern Greek Studies* 18(1): 12-59.
- Long, J. G. 1902. *The quarantine camp at El Tor, Public Health Reports (1896- 1970)*. New York: Sage Publications, Inc.
- Low, Michael Christopher. 2007. *Empire of the Hajj: Pilgrims, Plagues, and Pan-Islam under British Surveillance, 1865-1926*. Thesis, Georgia State University.
- Luqa, Q. 1992. *Risalah fi Tadbir Safar al Hajj*. British Library: Oriental Manuscripts.
- Mackintosh-Smith, T. 2003. *The Travels of Ibn Battuta*. London: Pan Macmillan.
- Martini, M., Gazzaniga, V., Bragazzi, N. L., Barberis, I. 2019. The Spanish Influenza Pandemic: a lesson from history 100 years after 1918. *J Prev Med Hyg* 60(1): 64-70.
- Martín-Martín, A., Costas, R., Leeuwen, V. T., & Delgado, L. C. 2018. Evidence of open access of scientific publications in Google Scholar: A large-scale analysis. *Journal of Informetrics* 12(3): 819–841.
- Md. Mahmudul Hassan. 2016. Islamic literature: definition, nature and scope. *IIUC Studies* (13): 43-52.
- Mohammed Amine El-Bezzaz. 1992. *Tarekh al majāa wa al awbiae bi al Maghreb*. Rabat: Université Mohammed V.
- Mohd Syukri Zainal Abidin & Faizuri Abd Latif. 2022. Kajian Bibliometrik Penerbitan Mengenai al-Ghazali dalam Pangkalan Data Scopus. *Islāmiyyāt* 44(Isu Khas): 41 - 52.
- Monica, H. G. 2015. *Pandemic Disease in the Medieval World: Rethinking the Black Death*. Yorkshire: Arc Humanities Press.
- Mostafa Minawi. 2016. *The Ottoman Scramble for Africa: Empire and Diplomacy in the Sahara and the Hijaz*. California: Stanford University Press.
- Muhammad Sadiq. 1884. *Kawkab Al-Haj Fi Sayr Al-Mahmal Bahrain Wa Sayr Hi Barran*. Cairo: Barran.
- Nozira Salleh, Indriaty Ismail & Sharifah Ismail. 2022. Konsep Sabar Menurut Imam Al-Ghazali (1058-1111 M) dan Relevansinya dalam Mendepani Covid-19. *Islāmiyyāt* 44(Isu Khas): 53 - 60.
- Nur Asyiqin Zohkarnain & Firuz-Akhtar Lubis. 2021. Persepsi Sayyid Qutb terhadap Paderi di Amerika Syarikat dalam Travelognya *Amerika Allati Ra'ytu*. *Islāmiyyāt* 43(1): 173 - 184.
- Nur Izzati Jamaludin, Shahida Shahimi & Latifa Bibi Musafar Hameed. 2020. Elemen Kepercayaan Sebagai Teras Sumbangan Melalui Pendanaan Awam Bertujuan Kebajikan. *Asian Journal of Accounting and Governance* 13: 55–65.
- Page, M. J., McKenzie, J.E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C.D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E.A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E.W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., McGuinness, L. A., Stewart, L. A., Thomas, J., Tricco, A. C., Welch, V. A., Whiting, P., Moher, D. 2021. The PRISMA 2020 statement: an updated guideline for reporting systematic reviews. *Journal of Clinical Epidemiology* 1-12.
- Pranckute, R. 2021. Web of Science (WoS) and Scopus: The titans of bibliographic information in today's academic world. *Publications* 9(1): 12.
- Qiu, W., Rutherford, S., Mao, A. & Chu, C. 2017. The pandemic and its impacts. *Health, Culture and Society* 10: 3-11.
- Qutb, Muhammad. 1983. *Manhaj al-Fann al-Islami*. Bayrut: Dar al-Syuruq.
- Ranin Kazemi. 2018. Epidemics and revolutions: The case of Iran in the late nineteenth-century Middle East. *The Historian* 80(4): 749-790.
- Roulston, K. 2010. Considering quality in qualitative interviewing. *Qualitative Research* 10(2): 199–228.
- Sabri Ateş. 2010. Bones of contention: Corpse traffic and ottoman – Iranian rivalry in nineteenth century Iraq. *Comparative Studies of South Asia, Africa and the Middle East* 30(3): 512–532.
- Shaffril, H. A. M., Samsuddin, S. F., & Abu Samah, A. 2020. The ABC of systematic literature review: the basic methodological guidance for beginners. *Quality & Quantity: International Journal of Methodology* 55(4): 1319-1346.

- Shahida Shahimi, Nik Mohd Azim Nik Ab Malik, Mohd Adib Ismail, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai. 2020. Faktor Penyebab Penyisihan Sosial dalam Kalangan Masyarakat berdasarkan Sorotan Karya Bersistematik dan Keperluan Analisis Lanjut daripada Perspektif Islam. *Islāmiyyāt* 42(1): 31-38.
- Stolz, D. A. A. 2017. The Voyage of the Samannud: Pilgrimage, Cholera, and Empire on an Ottoman-Egyptian Steamship Journey in 1865-66. *Int. J. Turkish Studies* 23(1 & 2): 1-18.
- Tresso, C. M. 2021. A two-year journey under the arrows of the black death: The medieval plague pandemic in Ibn Baṭṭūṭa's travels. *Journal of Arabic and Islamic Studies* 21(1): 137-189.
- Varlık, N. 2017. *Plague and Empire in the Early Modern Mediterranean World: The Ottoman Experience, 1347-1600*. England: Cambridge University Press.